

MAHATHIR - DEBAT 1984

KUALALUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR, MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN KESEDIAAN UMNO UNTUK BERDEBAT DENGAN PAS ATAS SATU TOPIK SAHAJA IAITU TUDUHAN PAS KONONNYA ORANG-ORANG UMNO ADALAH KAFIR.

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO BOLEH MENGATURKAN DEBAT ITU DISIARKAN LANGSUNG OLEH TELEVISION MALAYSIA PADABILA-BILA MASA SAHAJA SEBAIK PAS MEMBERS PENGAKUAN MAHU MENYERTAINYA.

+ ORANG-ORANG PAS CUMA PERLU MENYATAKAN MEREKA MENERIMA CADANGAN UMNO UNTUK BERDEBAT DAN KAMI AKAN MENGATURKAN SUPAYA TV MENGADAKAN SIARAN LANGSUNG BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT DI SELURUH NEGARA MENDENCAR DAN MELIHAT DAKWAAN PAS KONONNYA ORANG-ORANG UMNO KAFIR DAN DARAH ORANG-ORANG UMNO HALAL, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBUPEJABAT PARTI DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BARU-BARU INI MENYATAKAN KESEDIAANNYA UNTUK BERDEBAT DENGAN PAS EKORAN SATU TEMURAMAH MAJALAH TASXAWEEK+ DENGAN NAIB PRESIDEN PAS, HAJI HADI AWANG YANG MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN ANGKUH DAN SOMBONG SUNGGUHPUN PAS PERNAH MENAWARKAN PERBINCANGAN BAGI MENGATASI MASALAH ANTARA PAS DAN UMNO. -- LAGI

MAHATHIR - DEBAT 2 KUALA LUMPUR

PRESIDEN UMNO ITU MENJELASKAN PENDIRIANNYA SEPANJANG MASA SEMASA MENYAHUT SERUAN PAS UNTUK BERDEBAT ITU IALAH TAJUK DEBAT PATUT DIHADKAN KEPADA TUDUHAN PAS KONONNYA ORANG-ORANG UMNO TIDAK ISLAM.

+ SEMASA ITU SAYA MENGUMUMKAN TENTANG PERDEBATAN ITU SAYA MAKSUDKAN UMNO SEDIA BERDEBAT DENGAN PAS DAN BUKAN SAYA, OLEH ITU SAYA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAS LAPORAN-LAPORAN YANG DIBUAT OLEH AKHBAR-AKBAR TENTANG PERKARA ITU, + TAMBAHNYA,

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN UMNO CUMA MEMILIH TOPIK MENGENAI ISU TUDUHAN PAS KONONNYA PARTI ITU KAFIR MEMANDANGKAN DAKWAAN ITU AMAT SERIUS DAN RAKYAT HARUS TAHU ATAS SASAPA PAS MEMBUAT DAKWAAN ITU.

+ SOALNYA SEKARANG IALAH SAYA DAN SEMUA TAHU DAKWAAN ITU SALAH. KAMI MAHU PAS MEMBUAT DAKWAAN KONONNYA ORANG-ORANG UMNO KAFIR DI DEPAN RAKYAT MENERUSI TV.

+ SOAL LAIN TIDAK BERBANGKIT. INI ADALAH ISU KHUSUS PAS KATA UMNO KAFIR, OLEH ITU BUKTIKAN SAMADA UMNO KAFIR UNTUK MAKLUMAN RAKYAT, + TEGASNYA. -- LAGI

1518MST 15 09 84

MAHATHIR - DEBAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR SERKATA SOALNYA RAKYAT PERLU TAHU DAN YAKIN TENTANG DAKWAAN ITU MEMANDANGKAN SUNGGUHPUN SEKARANG MEREKA .
TAHU TUDUHAN ITU SALAH, PAS TETAP TIDAK GENTAR MEMBUAT DAKWAAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA TOKOH-TOKOH PANEL YANG AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM DEBAT ITU DITETAPKAN ENAM ORANG IAITU TIGA UMNO DAN TIGA PAS MANAKALA PERLANTIKAN PENERUSI AKAN DIBUAT MENGIKUT PERSETUJUAN KEDUA-DUAPIHAK.

PAS BOLEH MEMBERI NAMA PEMIMPINNYA YANG LAYAK DAN UMNO JUGA AKAN MENGEMUKAKAN NAMA ORANG-ORANG YANG ADA KREDIBILITI UNTUK PERDEBATAN ITU .

+ SAYA SENDIRI BOLEH MEMUTUSKAN SIAPA TOKOH-TOKOH YANG AKAN MEWAKILI UMNO KERANA KITA JUGA ADA ORANG-ORANG YANG BOLEH MEMBERI KETERANGAN TENTANG TUDUHAN PAS KONONNYA ORANG-ORANG UMNO KAFIR.+

BELIAU JUGA MENOLAK TAWARAN PERSATUAN ULAMAK UNTUK MENJADI PENGANJUR KERANA BELIAU SENDIRI TIDAK ADA MASALAH UNTUK MENCARI ORANG TENGAH UNTUK MENGANJURKANNYA. -- LAGI
1535MST 15 09 84

D185

U B796 DEB

MAHATHIR - DEBAT 4 KUALA LUMPUR

DITANYA MENGENAI BEBERAPA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PAS BARU-BARU INI TERMASUK UMNO MENGHURAIKAN BEBERAPA AYAT DALAM SURAH AL-BAQARAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT IA CUMA SATU ALASAN PAS UNTUK MELARIKAN DAN SEOLAH-OLAH ITU SAJALAH YANG ISLAM. ADA MASA LALU.

SOAL YANG DIHADAPI SEKARANG IALAH TUDUHAN PAS BAHAWA ORANG-ORANG UMNO ITU KAFIR DAN OLEH DEMIKIAN MEREKA PERLU BERI KETERANGAN DAN KITA TIDAK MAHU SYARAT PAS MAHU PEMIMPIN ITU DAN INI BERDEBAT SEBAGAI ALASAN UNTUK MELARIKAN DIRI.+

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTARAHMAD SELAKU PENGURUS BIRO AGAMA UMNO TELAH MEMBERI TAWARAN TENTANG KESEDIAANNYA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM DEBAT ITU.

DITANYA SAMADA DEBAT ITU AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH UMNO - PAS, BELIAU BERKATA DEBAT ITU BUKAN MERUPAKAN +SOAL SELESAI+ TETAPI UNTUK MENDEDAHKAN DAKWAAN PAS TERHADAP UMNO. -- LAGI

+ INI BUKAN SANDIWARA DI MANA ADA ORANG YANG BERTEPUK SORAK DAN MEMBAWA ORANG BERHIMPUN. RAKYAT HENDAK TAHU MACAMMANA ORANG-ORANG UMNO ITU KAFIR DAN INI SATU TUDUHAN SERIUS, + AKATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN UMNO MENYAHUT TAWARAN BERDEBAT ITU MEMANDANGKAN ADA ISU SPESIFIK YANG PERLU DISELESAIKAN DAN BUKAN KERANA HENDAK MENARIK PERHATIAN.

+ KITA BUKAN NAK MENARIK PERHATIAN KEPADA DIRI KITA TETAPI UNTUK MENENTUKAN SAMADA DAKWAAN PAS BENAR. PAS NAK BERDEBAT UNTUK MENARIK PERHATIAN KEPADA DIRI MEREKA MALAHAN MEREKA SUKA BERDEBAT SUPAYA BOLEH MEMBAWA RAMAI ORANG MENYAHUT + ALLAHU AKBAR + BUKAN KERANA NIAT UNTUK MENYATAKAN KESESARAN TUHAN TETAPI UNTUK MEMBUAT BISING. + *Bernama*